

Ummah masih boleh mengkaji Quran dan tafsirannya — PM

# Jangan rasa terhalang

Oleh KAMAL ZAILANI

**K**UALA LUMPUR 8 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam supaya jangan berasa terhalang dengan saranan bahawa pintu ijtihad sudah ditutup dan mereka tidak boleh mengkaji semula tafsiran dan isi kandungan Al-Quran.

Perdana Menteri menegaskan, sekatan terhadap ijtihad mungkin akan mengekalkan tafsiran yang salah dan meletakkan tafsiran-tafsiran itu setaraf dengan wahyu Allah dalam Al-Quran, iaitu tidak mungkin cacat dan tidak boleh diubah.

“Apabila kita bertelagah mengenai ajaran Islam, pertikaian itu bukanlah berkenaan Al-Quran atau ayat-ayat yang terkandung di dalamnya yang tidak pernah salah dan tidak pernah berubah,” ujar beliau semasa merasmikan Seminar Al-Quran Antarabangsa Kali Ke-5 di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan,

pertelagahan atau perbahasan tentang ajaran Islam ialah tentang tafsiran pentafsir yang walau bagaimana alim sekalipun, mereka adalah manusia biasa yang mempunyai kelemahan-kelemahan sendiri.

Jika umat Islam mengakui hakikat ini, tegas Dr. Mahathir, sudah tentu mereka tidak akan berasa bersalah untuk mengkaji semula dan menolak kepercayaan kepada tafsiran yang salah.

Beliau berkata, kegagalan umat Islam mencapai kebahagiaan hidup bukanlah disebabkan oleh keengganan mengamalkan ajaran Islam tetapi kerana kegagalan mereka disebabkan oleh salah faham tentang ajaran Al-Quran yang sebenar.

Menurut Perdana Menteri, alangkah ruginya umat Islam jika mereka berpegang dengan begitu kuat dan mempertahankan mati-matian bukan ajaran Al-Quran tetapi pendapat manusia biasa yang mana sudah tentu pendapat itu tidak setaraf de-

■ Lihat muka 2

# Jangan rasa terhalang

ngan wahyu daripada Allah.

Menurut beliau, dalam usaha menjelaskan isi kandupgan Al-Quran, pentafsir terpaksa menggunakan bahasanya sendiri dan menambah ayat-ayat Al-Quran bagi menjelaskan makna dan maksud ayat-ayat berkenaan.

“Jika kefahaman pentafsir atau penterjemah salah, maka kefahaman mereka yang mengikutinya juga salah,” ujarnya.

“Ada masanya perbezaan ini begitu ketara sehingga umat Islam berpecah kepada mazhab-mazhab yang bertentangan,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, agama Islam hanyalah satu sahaja tetapi hari ini terdapat beberapa kumpulan yang mendakwa diri mereka Islam dan menolak amalan orang lain yang mendakwa mereka juga Islam.

Katanya, selain daripada puak Suni dan Syiah dengan mazhab masing-masing, wujud pula puak

Alawait, Druze dan lain-lain.

Beliau berkata, perbezaan antara puak-puak ini begitu ketara sehingga ada kemungkinan puak-puak tertentu sebenarnya tidak Islam.

Dr. Mahathir berpendapat, walaupun mereka merujuk kepada Al-Quran tetapi tafsiran dan kefahaman serta pegangan mereka bukan lagi sama dan besar kemungkinan ada pentafsir yang salah dan ajaran mereka menyeleweng.

## Ajaran

“Percaya kepada Al-Quran bukan setakat mempercayai bahawa segala isi kandungannya itu adalah kalam Allah tetapi bersedia mengamalkan segala ajaran yang terkandung dalam wahyuwahyu tersebut,” katanya.

Pengamalan ini, ujar Dr. Mahathir, merangkumi aplikasi terhadap urusan individu dan urusan kemasyarakatan atau disebut juga dengan istilah

fardu ain dan fardu kifayah.

Beliau berkata, bagaimanapun terdapat umat Islam yang percaya kepada Al-Quran tetapi tidak mengamalkan ajarannya.

Menurut Perdana Menteri, mereka tahu apa yang disuruh tetapi mereka tidak melakukannya.

Kata Dr. Mahathir, apabila orang Islam menjadi mundur dan tertindas, mereka mendakwa bahawa memang inilah kehendak agama Islam, iaitu orang Islam akan menderita di dunia sementara menunggu kebahagiaan di akhirat.

“Selagi kefahaman ini diterima, umat Islam tidak akan membuat apa-apa untuk memperbaiki kehidupan mereka. Mereka akan terima kemunduran sebagai kebahagiaan kerana ia mengingatkan mereka akan akhirat dan kedudukan yang lebih baik di akhirat,” kata Dr. Mahathir.

Mereka akan berkata: “Tunggu sahajalah...kita telah dijanjikan syurga di akhirat.”

Perdana Menteri jelas kesal kerana kumpulan seperti ini tidak sedikit pun berasa ganjil dengan doa mereka sepanjang masa supaya diberi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ini, ujar beliau, hanya lafaz di mulut. Ia juga mungkin kerana mereka salah faham dan memilih-milih ajaran Al-Quran dengan menumpukan hanya kepada beberapa ayat sahaja.

## Ibadat

Dr. Mahathir berkata, balasan di akhirat bukan hanya kepada ibadat yang dikerjakan untuk diri sendiri sahaja, iaitu fardu ain tetapi juga ibadat bagi masyarakat, iaitu fardu kifayah.

“Jika kita benar-benar berpegang kepada ajaran Al-Quran, kita mesti tunaikan kedua-dua fardu ain dan fardu kifayah. Insya Allah, sempurnalah orang Islam, akan bahagialah mereka dan akan tertebuslah maruah umat dan agama Islam,” tegas beliau.